menjadikan Islam berjaya di Indonesia. Merujuk Frederick dan Worden (2011), penyebaran Islam termasuk pada proses evolusi di Indonesia. Sebagaimana diketahui, proses evolusi adalah proses berkesinambungan perlahan dengan matlamat untuk mencapai hasil yang lebih baik. Agama Islam di Indonesia dipengaruhi oleh pelbagai budaya asing berbeza iaitu, Arab, Gujarat (India) dan Cina. Ia meninggalkan kesan terhadap agama Islam di Indonesia.

Penyebaran agama Islam telah melahirkan kerajaan Islam di Indonesia. Kejayaan kerajaan Islam telah menyebabkan ramai umat manusia menganut agama Islam (istilah kerajaan Islam, juga disebut kesultanan). Kehadiran agama Islam diperlukan untuk memenuhi keperluan zahir dan batin umat Islam. Keperluan zahir iaitu hubungan sosial antara umat, disebut juga sebagai hubungan mendatar (*horizontal relation*) dan keperluan batin iaitu hubungan umat dengan Allah S.W.T, disebut sebagai hubungan menegak (*vertical relation*) (Widyani, 2006). Berasaskan keperluan tersebut lahir sebuah bangunan keagamaan iaitu masjid (Rajah 1.2). Kompleks Masjid Agung Banten adalah satu tanda bertapaknya agama Islam di bahagian hujung barat Pulau Jawa dan bukti kepada kekuasaan Sultan di Banten. Kompleks Masjid Agung Banten tersebut terdiri daripada tiga bangunan penting iaitu, bangunan utama ialah bangunan perhimpunan atau *tiyamah*, masjid agung dan kawasan perkuburan atau makam. Bentuk luaran dan dalaman masjid agung mempunyai pengaruh budaya Jawa dan Cina, manakala bangunan *tiyamah* mempunyai pengaruh budaya Belanda (Bab 4).



*Rajah 1.2. Keperluan Umat dalam Hubungan Menegak dan Mendatar pada Bangunan Masjid.*  
*Sumber:* Widyani, 2006.

### 1.3 Pengertian Umum Kebudayaan

Bangunan bersejarah dan kebudayaan merupakan aspek yang tidak boleh dipisahkan, kerana ia adalah asas yang menyokong identiti sebuah negara dan kebudayaan. Selain itu, ia merupakan cermin ketamadunan masyarakat tertentu kerana mengandungi elemen ilmu, kepercayaan dan norma budaya.

Terdapat tiga aspek kebudayaan menurut Honigman dalam bukunya Adimihardja (2004) dan Koentjaraningrat (1980). Pertama, kebudayaan sebagai sistem budaya adalah sesuatu yang mengandungi gagasan, norma, peraturan, pengetahuan, kepercayaan dan makna. Kedua, kebudayaan sebagai sistem sosial adalah sesuatu yang mengandungi aktiviti dan tabiat yang berpola daripada masyarakat. Ketiga, kebudayaan fizikal adalah nyata atau sesuatu yang boleh dikesan oleh pancaindera manusia dan merupakan hasil daripada budaya manusia iaitu artifak.

Kebudayaan adalah serangkaian adat, rancangan dan panduan yang digunakan untuk mengatur perilaku manusia. Namun, kebudayaan juga hasil daripada tabiat manusia. Menurut Suparlan (1986), kebudayaan boleh menjadi pedoman terhadap kehidupan masyarakat dan pedoman yang diyakini kebenarannya oleh masyarakat. Budaya yang terjadi sekarang merupakan hasil daripada percampuran adat-adat yang berlaku sebelumnya.

### **1.3.1 Kebudayaan Mencorakkan Seni Bina dan Reka Bentuk Dalaman**

Terdapat banyak takrifan tentang seni bina. Caudill (1978), mengatakan bahawa seni bina merupakan pengalaman perseorangan yang menyeronokkan dan mustahak. Lebih terperinci, Rapoport (1979) menyatakan bahawa seni bina boleh dilihat melalui aspek aktiviti tertentu, mengingatkan individu pada sebarang aktiviti, menunjukkan kuasa, jantina, arah, individu atau masyarakat. Pernyataan Rapoport tersebut bersesuaian dengan penyelidikan ini kerana boleh menjadi salah satu asas maklumat dalam penyelidikan ini. Selain itu, seni bina juga dapat digunakan untuk kajian sebuah ruang bagi kegunaan aktiviti manusia bermatlamatkan kebahagiaan manusia. Oleh itu, seni bina merangkumi hal berikut. Pertama, kegunaan adalah sesuatu yang boleh menjadi tempat aktiviti manusia yang sesuai dengan keperluan manusia. Kedua, kekuahan adalah sesuatu yang mempunyai sistem keamanan yang menaungi aktiviti yang terjadi di dalamnya. Ketiga, keelokan adalah sesuatu yang mengandungi makna berseni yang boleh menimbulkan kesan, mesej dan suasana (Depdikbud RI, 1993).

Seni bina sentiasa mengalami perubahan, ia akibat persoalan daripada masyarakat persekitaran. Pernyataan tersebut disokong oleh Giedion (1967), bahawa

perubahan seni bina terjadi kerana perubahan sosial, budaya dan seterusnya agama di dalam masyarakat tertentu. Seni bina dan reka bentuk dalaman juga berhubung rapat dengan pola fikiran dan adat masyarakat. Sebuah bangunan tidak dibangunkan tanpa sebab tertentu, tetapi berasaskan keperluan terhadap aktiviti-aktiviti masyarakat. Apapun yang dibina adalah satu kesatuan daripada alam persekitaran seperti sosial dan budaya. Masjid Agung Banten adalah salah satu seni bina bersejarah yang merupakan hasil daripada kebudayaan kerana mengandungi elemen dan wujud unsur kebudayaan.

#### **1.4 Latar belakang Umum Sejarah Kepelbagai Budaya dan Agama di Indonesia**

Secara umumnya, Indonesia mempunyai sejarah yang panjang bermula dari zaman prasejarah, seterusnya zaman bersejarah dan zaman moden. Sejarahnya terbahagi kepada tiga iaitu, sebelum kolonial, zaman penjajah dan zaman kemerdekaan. Zaman sebelum kolonial wujud dengan adanya kerajaan Hindu dan Buddha di Indonesia. Menurut sejarah, Indonesia mempunyai dua kerajaan besar Hindu dan Buddha iaitu kerajaan Sriwijaya (*Srivijaya*) di Pulau Sumatera dan Kerajaan Majapahit di Jawa Timur. Selepas keruntuhan Kerajaan Sriwijaya, Kerajaan Majapahit hadir dan membangunkan semula kerajaan ini dan bergantung pada hasil pertanian. Namun, seorang Patih bernama Gajah Mada membuat pengumuman bahawa Indonesia tidak hanya berjaya dalam pertanian, namun ia juga sebuah negara yang di kelilingi oleh lautan. Oleh itu, beliau bertekad untuk menyatukan wilayah Nusantara. Van Peursen (1976) menyokong pernyataan tersebut dengan menyatakan bahawa budaya Indonesia berasaskan pada budaya sebuah negara yang di kelilingi oleh lautan. Gajah Mada mengatakan bahawa Kerajaan

Majapahit berkuasa penuh terhadap Nusantara. Kerajaan Majapahit berjaya di Nusantara pada abad ke-14. Nusantara di sini meliputi Indonesia, Melaka (kini sebahagian daripada Malaysia) sehingga Chempa (kini Kemboja) dan sebutan Nusantara masih berlaku untuk Indonesia sehingga sekarang (Maarif, 2009). Berasaskan maklumat tersebut, sejarah Indonesia boleh dikaitkan dengan sejarah Malaysia dan Kemboja.

Indonesia sebagai negara kelautan, menjadi pintu masuk kepada kepelbagaian budaya asing yang menyebarkan pengaruhnya pada budaya tempatan, namun ia boleh berlaku sebaiknya. Contohnya orang Indonesia ramai berlayar keluar negara dan kembali dengan membawa budaya-budaya yang telah mengalami adaptasi dari luar. Percampuran budaya tempatan dan asing telah menciptakan kepelbagaian budaya tempatan di Indonesia. Oleh itu, ia dikenali sebagai semboyan *Bhinneka Tunggal Ika*. Ia menjadi lambang kepelbagaian budaya Indonesia dan dikenali sejak Kerajaan Majapahit. Peristilahan *Bhinneka Tunggal Ika* berasal daripada bahasa Jawa Kuno, *Bhinneka* yang bermaksud “beraneka ragam” (bermacam-macam). *Tunggal* mempunyai makna “Satu” dan *Ika* mempunyai makna “itu,” secara keseluruhannya ia bermakna Berbeza Tetapi Tetap Bersatu.

#### **1.4.1 Kronologi Budaya dan Agama di Indonesia**

Kepercayaan pada alam dan nenek moyang adalah kepercayaan asli Indonesia (Maarif, 2009). Upacara atau ritual telah menjadi identiti penting kehidupan animisme. Budaya-budaya awal di Indonesia sentiasa mempengaruhi budaya selepasnya. Oleh itu ia masih didapati seperti upacara atau ritual yang menjadi sebahagian daripada budaya di Indonesia sekarang. Pada zaman Indonesia

dipengaruhi oleh budaya asing, khasnya Gujarat-India, melalui budayanya mereka memperkenalkan agama yang menjadi agama terawal iaitu, Hindu dan Buddha. Hindu dan Buddha menjadi agama kuno di Indonesia, walaupun semakin lama semakin berkurangan umatnya kerana kejayaan Islam dan pengaruh pencerobohan bangsa Eropah yang membawa agama Kristian-Katolik.

Indonesia mempunyai lima agama rasmi iaitu Islam, Kristian Katolik, Kristian Protestan, Hindu dan Buddha. Indonesia membenarkan seseorang menganut sebarang kepercayaan. Namun atheis tidak dibenarkan kerana kembali kepada salah satu prinsip asas Indonesia yang disebut *Pancasila*, iaitu prinsip nombor satu iaitu Ketuhanan Yang Maha Esa (Drakeley, 2005). Seterusnya, kepelbagaian latar belakang budaya yang berbeza telah mempengaruhi kepelbagaian penyebaran agama dan pembangunan di Indonesia.

#### **1.4.1.1 Animisme adalah Kepercayaan Pertama di Indonesia**

Kepercayaan Animisme adalah perkara berkaitan dengan penyelidikan Masjid Agung Banten, utamanya kerana aktiviti ritual budaya yang berlaku di persekitarannya saling mempengaruhi kewujudan seni bina terhadap reka bentuk dalamannya. Animisme ialah sistem kepercayaan yang mengandungi kuasa rohani. Di Eropah atau Amerika Utara hal ini disebut *Paganisme* (Forshee, 2006). Dengan peralihan zaman, sistem ini bercampur dengan agama-agama yang ada dan ritualnya menjadi sebahagian daripada adat istiadat khas di tempat-tempat tertentu di Indonesia. Menurut Geertz (1960), di Indonesia memang terjadi sinkretisme antara animisme dengan agama Hindu-Buddha dan Islam yang datang selepasnya. Pernyataan Geertz disokong oleh Webster (1973) bahawa lebih daripada seribu tahun

animisme ada di Pulau Jawa sebelum kedatangan agama Buddha dan agama Hindu, dan ia saling mempengaruhi. Oleh itu, di Jawa banyak ritual-ritual keagamaan yang serupa dengan ritual animisme, seperti meditasi di tempat keramat dan situasi tersebut masih berlaku walaupun agama monoteisme telah wujud (Ricklefs et al., 2013).

#### **1.4.1.2 Pengaruh Agama Hindu-Buddha di Indonesia**

Agama Hindu dan Buddha disebut agama kuno di Indonesia. Agama-agama ini telah ada sebelum kedatangan agama Islam ke Indonesia. Hindu-Buddha boleh mengalami kemudahan untuk penyesuaian kepada penduduk Indonesia kerana ia mempunyai keserupaan dengan animisme iaitu, percaya dengan kekuatan alam. Agama Hindu-Buddha di Indonesia menandai sejarah Jawa pada abad ke-15. Ia dikesan oleh pengenalan daripada tamadun India yang berasaskan budaya Jawa. Pengetahuan tersebut patut dibentangkan kerana falsafahnya berpengaruh terhadap kewujudan bangunan bersejarah. Khasnya dalam kes penyelidikan ini iaitu di kompleks Masjid Agung Banten, sebagai peninggalan daripada kesultanan Banten.

Agama Hindu berkembang daripada falsafah India (Forshee, 2006). Secara umumnya terdapat tiga teori tentang penyebaran agama Hindu ke Indonesia. Benudhar Patra (2004) dalam tulisan bertajuk *Kalinga in South Asia*, membentangkan tentang tiga teori tersebut yang dirumuskan oleh para cendikiawan. Pertama, teori *Vaishya* (teori Waisya) ialah kasta Waisya, termasuk kepada golongan pedagang yang membawa masuk agama Hindu ke Indonesia. Kedua, teori *Kshyatriya* (teori Ksatria) ialah kasta Ksatria, termasuk golongan bangsawan. Ketiga,

adalah teori *Brahmana* yang termasuk golongan kasta paling tinggi dari kasta-kasta lainnya kerana golongan pemimpin agama.

J.C. Van Lear adalah cendikiawan yang menyokong teori *Brahmana*. Beliau menyatakan bahawa pemimpin agama itu termasuk para *Brahmana* dan rahib mempunyai tugas menyebarkan agama, budaya dan datang ke Indonesia menggunakan laluan perdagangan antarabangsa (Lear, 1955). Di Indonesia, banyak ditemukan ayat-ayat Sanskrit pada batu-batu bertulis dan menjadi bukti bahawa teori *Brahmana* yang paling diterima kerana bahasa Sanskrit hanya dikuasai oleh golongan *Brahmana*. Selain sebagai pemimpin dan pakar agama, mereka adalah pakar dalam upacara keagamaan (*Dharmashastra*), hal ehwal politik (*Arthashastra*), hal seni dan seni bina (*Silpashastra*). Oleh itu, banyak juga ditemui seni bina agama Hindu yang disebut *Chandi* atau Candi di Indonesia, khasnya di Pulau Jawa (H. Santiko, 1994). Candi ialah bangunan agama khas dari India. Cara penyebaran budaya India dengan agama Hindu di dalamnya dilakukan oleh kaum *Brahmana*. Ramai daripada mereka berkahwin dengan keluarga penguasa tempatan dan bekerja untuk penguasa tempatan (Tan Ta Sen, 2010).

Hindu-Buddha mempunyai asas kukuh di Indonesia kerana berjaya bercampur dengan budaya dan kepercayaan tempatan, selanjutnya lahir kerajaan-kerajaan Hindu dan Buddha. Kerajaan Hindu yang paling berkuasa dan terkenal di Indonesia ialah kerajaan Majapahit (Rajah 1.3). Kejayaan Majapahit meninggalkan artifak-artifak Hindu dan memberi pengaruh pada kerajaan seterusnya. Candi adalah artifak daripada kerajaan Hindu-Buddha seperti Candi Prambanan di Jawa Tengah yang merupakan candi Hindu terbesar di Indonesia (Rajah 1.4).



Rajah 1.3. Peta Kawasan yang Berada di Bawah Pengaruh Kerajaan Majapahit Abad ke - XIV

Sumber: Diubah Suai daripada [www.slideshare.net/roselinathuewgrace/kerajaan-majapahit-42091346](http://www.slideshare.net/roselinathuewgrace/kerajaan-majapahit-42091346)



Rajah 1.4. Prambanan candi Hindu terbesar di Indonesia

Sumber: [www.carapedia.com/sejarah\\_candi\\_prambanan\\_info2439.html](http://www.carapedia.com/sejarah_candi_prambanan_info2439.html)

Agama Buddha bermula di India dan berkembang daripada ajaran Hindu.


Buddha ialah agama yang diasaskan kepada perilaku Sidharta Gautama yang berkembang di India sekira abad ke-6 Sebelum Masihi. Ia disebarluaskan ke Indonesia selepas masa Hindu. Kerajaan Buddha terbesar di Indonesia ialah Sriwijaya (Srivijaya) di Pulau Sumatera yang berkuasa sehingga Pulau Jawa melalui dinasti

Sailendra (Forshee, 2006). Kerajaan ini adalah kerajaan maritim dan menjadi simbol daripada kejayaan Sumatera awal. Pada abad ke-20 Kerajaan Sriwijaya dan Majapahit menjadi rujukan oleh kaum nasionalis untuk menunjukkan kesatuan bangsa Indonesia sebelum penjajahan dari bangsa Eropah (Taylor, 2003). Dinasti Sailendra telah membina candi paling besar dan agung di Indonesia dan terkenal di dunia iaitu Candi Borobudur yang terletak di Magelang, Jawa Tengah (Rajah 1.5). Kekuasaan Dinasti Sailendra sehingga ke Pulau Jawa boleh dilihat dalam rajah 1.6.

Kerajaan Sriwijaya dan Majapahit adalah contoh daripada kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha yang mempunyai kekuasaan yang luas. Namun kerajaan Hindu terawal di Indonesia adalah Kerajaan Kutai di Pulau Kalimantan (Borneo) dan Kerajaan Tarumanegara (Rajah 1.7) iaitu, sebagai kerajaan Hindu-Buddha terawal di Pulau Jawa (Tjandrasasmita, 2009). Keruntuhan Kerajaan Hindu-Buddha Tarumanegara oleh tentera Islam dari Demak, Jawa Tengah dan kehancuran daripada Kerajaan Majapahit oleh Kesultanan Demak adalah penyebab adanya Kesultanan Banten. Oleh itu, kedua-dua kerajaan tersebut adalah sebahagian daripada sejarah Kesultanan Banten.




*Rajah 1.5. Borobudur candi Buddha paling besar di Indonesia dan di dunia, dibina pada zaman Dinasti Sailendra*  
*Sumber: <http://nasional.news.viva.co.id>*



Rajah 1.6. Peta Kawasan Kekuasaan Kerajaan Sriwijaya Abad ke-7 hingga ke-8.

Sumber: <http://www.jamarismelayu.com/2011/08/sejarah-kerajaan-sriwijaya.html>




*Rajah 1.7. Peta Kawasan Kerajaan Tarumanegara.  
Sumber: Diubah Suai daripada [www.canggraini.blogspot.com/p/grade-7.html](http://www.canggraini.blogspot.com/p/grade-7.html)*

Selain nama Tarumanegara, turut dikenali juga nama Padjajaran, ia adalah bahagian daripada sejarah Kerajaan Tarumanegara. Kejayaan daripada Kerajaan Tarumanegara sudah menurun semasa pemerintahan raja terakhir, Raja Tanusbawa. Oleh sebab itu, baginda menukar nama kerajaan menjadi Kerajaan Sunda pada tahun 670. Penukaran nama tersebut digunakan oleh Wretikandayun seorang daripada Kerajaan Tarumanegara untuk keluar dari Taruma dan mendirikan Kerajaan Galuh. Selepas mendirikan Kerajaan Galuh, Wretikandayun menuntut kepada Tanusbawa supaya membahagikan wilayah kekuasaan Taruma. Oleh sebab kekuasan yang lemah dan Kerajaan Galuh disokong oleh Kerajaan Kalinga di Jawa Tengah, maka Tanusbawa bersetuju (Sumarsono, 2001).

Tarumanegara terbahagi kepada dua wilayah pada tahun 670 iaitu, kawasan Kerajaan Galuh yang dikenali juga sebagai Kerajaan Kawali dan wilayah Kerajaan Sunda. Sungai Citarum adalah sempadan kedua-dua kerajaan tersebut. Dua kerajaan tersebut disatukan oleh Sri Baduga Maharaja (1482-1521) iaitu, anak Raja Dewa Niskala yang terakhir berkuasa di Kerajaan Galuh (Rajah 1.8). Penyatuan semula kedua-dua kerajaan tersebut dikenali sebagai zaman Padjajaran dan Kerajaan Sunda-Galuh dikenali dengan nama Kerajaan Padjajaran (Hendarsah, 2010). Kerajaan Padjajaran mempunyai peninggalan artifak yang dapat dilihat melalui kewujudan Candi Cangkuang di Kota Garut, Jawa Barat (Rajah 1.9). Candi ini sangat istimewa kerana terdapat makam seorang Muslim di sebelah candi, terbukti bahawa toleransi beragama telah dikesan sejak dahulu. Runtuhan bangunan candi juga boleh ditemui di wilayah Karawang, Jawa Barat ialah kompleks Candi Batujaya yang merupakan artifak daripada Buddha dan kompleks Candi Cibuaya yang merupakan artifak daripada Hindu.




Rajah 1.8. Peta Kawasan Kerajaan Sunda dan Kerajaan Galuh.  
Sumber: Diubah Suai daripada [www.canggraini.blogspot.com/p/grade-7.html](http://www.canggraini.blogspot.com/p/grade-7.html)



Rajah 1.9. Candi Cangkuang – Candi Hindu di Jawa Barat (kiri), dengan Makam Muslim di sebelah candi (kanan).

Sumber: Poesponegoro; Notosusanto, 2008.

Budaya Hindu dan Buddha berkait rapat dengan sejarah Indonesia lebih dari seratus tahun. Pelbagai maklumat mengenai pengaruh budaya mahupun falsafah Hindu dan Buddha diwariskan pada artifak-artifak seni bina agama selepasnya seperti masjid terawal di Indonesia. Tinggalan pengaruh budaya dan falsafah Hindu-Buddha pada bangunan Islam dapat dilihat melalui kehadiran bentuk meru. Meru diambil daripada perkataan Mahameru, sebuah gunung yang dianggap suci oleh umat Hindu dan pada seni bina Hindu, ia diwakili oleh reka bentuk bumbung bersusun. Seni bina meru telah ada sejak dahulu dan buktinya dapat dilihat pada seni pahat di Candi Jago (Candi Siwa-Buddha, percampuran antara agama Hindu dan Buddha) di Malang, Jawa Timur, Indonesia (Rajah 1.10). Candi Jago dibina semasa kejayaan Kerajaan Singosari (Singhasari) pada abad ke 13. Seni bina meru masih kekal sehingga sekarang dan boleh ditemui di mana-mana sahaja di Pulau Bali, dalam masyarakat yang beragama Hindu (Rajah 1.11).



*Rajah 1.10.* Seni bina Meru pada ukiran batu di Candi Jago,  
Jawa Timur.

Sumber: Soekmono, 1973.



*Rajah 1.11.* Seni bina Meru masih kekal  
di Pulau Bali, Indonesia.

Sumber: Reader dan Ridout, 2002.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah agama Hindu dan agama Buddha di Indonesia boleh menyesuaikan hubungan di antara satu sama lain tanpa konflik. Budayanya berjaya bersepadu dengan budaya tempatan dan keserasian pada masa agama-agama ini berjaya dikenali zaman Hindu-Buddha. Ia juga memberikan pengaruh pada kewujudan bangunan-bangunan di kompleks Masjid Agung Banten.


### **1.4.1.3 Islam di Indonesia**

Proses Islamisasi di Indonesia berlaku melalui pelbagai pergerakan seperti perniagaan, perkahwinan, birokrasi, pendidikan agama dan seni. Penyebaran Islam daripada peniaga, ia bukan sahaja bermula dengan berniaga barang, namun memperkenalkan, menyebarkan pengetahuan tentang Islam kepada masyarakat tempatan. Proses agama Islam datang ke Indonesia bermula dari pelbagai negara seperti Arab dan Cina. Geertz (1981) mengatakan bahawa Islam juga datang ke Indonesia melalui peniaga Islam dari India (Gujerat). Selepas masa tersebut Islam di Indonesia terputus dari pusatnya iaitu Mekah. Pernyataan sebelumnya menjurus pada teori penting tentang kedatangan Islam ke Indonesia. Secara amnya terdapat tiga teori penyebaran Islam di Indonesia, iaitu:

1. Teori Gujerat yang dikemukakan oleh Snouck Hurgronje menyatakan bahawa ramai peniaga India beragama Islam datang ke Indonesia. Bukti yang menyokong teori tersebut boleh dilihat pada batu nisan dan batu bertulis yang ditemui dan menyerupai sejenis batu yang terdapat di Gujerat dan Koromandel India (Khasnor et al., 1991). Bukti lain adalah terdapat tempat berehat untuk peniaga semasa menunggu barang habis, tempat tersebut dibina di persekitaran pelabuhan yang dikenali sebagai ‘*pakojan*.’ Dikenali sebagai *pakojan* kerana pada mulanya untuk peniaga-peniaga muslim Koja yang datang dari India Selatan (Juliadi, 2007; Tjandrasasmita, 2009),
2. Teori Arab dihuraikan oleh Drewes pada buku Ahmad Ibrahim (1985). Ia dikemukakan kali pertama oleh Profesor S. Keyzer pada tahun 1859, berdasarkan kepada kegiatan perdagangan orang Arab di Indonesia. Ini disokong dengan bukti beberapa buah perkampungan orang Arab di kawasan barat dan timur Sumatera

(Ibrahim, 1985; Khasnor et.al, 1991). Tan Ta sen (2010), menyokong pernyataan bahawa ada hubungan langsung Arab dengan Indonesia melalui hujung utara Pulau Sumatera. Ia boleh dilihat dalam peta penyebaran Islam di Asia Tenggara (Rajah 1.12).

3. Teori Cina dikemukakan oleh Tan Ta Sen bahawa, seorang dari negeri Cina, masa Dinasti Ming bernama Cheng Ho, membawa Islam masuk ke kawasan Asia Tenggara. Terdapat tujuh pelayaran (1405-1431) Cheng Ho telah ke Samudera Barat dan datang ke tempat-tempat penting di Asia Tenggara di antaranya Chempa, Zhenla, Siam, Melaka, Jawa, Palembang, Samudera (Aceh), Aru, Naguer, Lambri, Pahang, Kelantan, Lidai dan Sulu (Tan Ta Sen, 2010). Hampir pada setiap pelayaran, Cheng Ho sentiasa datang ke Jawa. Tidak dapat disangkal bahawa Islam dari Cina berpengaruh di Pulau Jawa dan toleransi telah terjalin diantaranya. Bukti sejarah keberadaan Cheng Ho di Jawa boleh dikesan pada Klenteng (kuil) Sam Po Kong di Semarang Jawa Tengah. Bukti lain daripada penjelajahan Cheng Ho di Indonesia adalah banyak ditemui di perkampungan orang Cina atau dikenali sebagai “*Pecinan*” di sepanjang bandar-bandar pantai utara di Jawa seperti Banten, Batavia (Jakarta), Cirebon dan bandar-bandar di Pulau Sumatera (Graaf; Pigeaud, 1984).



*Rajah 1.12. Peta Penyebaran Islam di Asia Tenggara.  
Sumber: Tan Ta Sen, 2010.*

Agama Islam telah tersebar hampir di keseluruhan Indonesia. Ia mengambil masa sehingga 300 tahun, lambat namun berjaya di Pulau Jawa. Semasa Islam berjaya di Indonesia, terdapat pertukaran istilah Raja kepada Sultan dan sebutan kerajaan menjadi kesultanan (Geertz, 1960). Agama Islam berjaya sehingga kini di Indonesia dengan pengikut terbanyak. Namun kerana kepercayaan animisme dan agama Hindu-Buddha sebagai agama dan kepercayaan sebelum yang telah bersepada dengan masyarakat Indonesia selama 15 abad, ia berpengaruh terhadap kebudayaan dan agama selepasnya, sebagai warisan yang boleh dikesan pada tradisi hingga kewujudan seni bina dan reka bentuk dalaman sebuah bangunan.

#### **1.4.1.4 Masuknya Bangsa-Bangsa Eropah ke Indonesia**

Bangsa Eropah tiba ke Indonesia dan menyebarkan pengaruh budayanya kepada budaya Indonesia. Bangsa-bangsa Eropah yang pernah datang ke Indonesia adalah seperti berikut:

##### **1. Portugis**

Pada tahun 1511 bangsa Portugis menguasai Melaka dan selanjutnya perdagangan Asia Selatan dimonopoli oleh Portugis. Portugis telah menutup pintu perdagangan kepada pedagang asing khasnya pedagang Islam. Sikap Portugis tersebut wujud kerana Portugal pernah dikuasai oleh empayar Islam. Pedagang Islam melawan dengan cara membina pelabuhan lain di Aceh dan Banten yang semakin ramai daripada pedagang-pedagang Islam (Taufik; Ahmad, 2010). Perkembangan tersebut telah menimbulkan kemarahan Portugis, lalu mereka datang pada permulaan abad ke-16 di Banten. Misi Portugis tidak berjaya di bahagian barat Indonesia kerana kekuatan Kesultanan Islam (Forshee, 2006). Portugis datang menjajah dengan

matlamat perdagangan dan misi penyebaran Katolik. Ia berjaya di bahagian timur Indonesia seperti Maluku dan Ternate (Ricklefs, 2001).

## **2. Belanda**

Belanda telah hadir di Indonesia pertama kalinya di pelabuhan Banten tahun 1596, yang dipimpin oleh Cornelis de Houtman dan matlamat Belanda adalah mencari rempah-rempah (Ricklefs, 2001; Taufik et al., 2010). Kedatangan semula disambut baik kerana memberi keuntungan kepada perniagaan. Namun berlaku persaingan antara Belanda dengan Portugis untuk menarik perhatian Sultan Banten. Portugis telah memenangi perhatian sultan. Oleh sebab perilaku orang Belanda yang keterlaluan terhadap masyarakat tempatan, maka mereka telah diusir daripada Banten.

Belanda datang untuk kali kedua pada tahun 1598 dipimpin oleh Jacob van Neck (Taufik et al., 2010). Belanda diterima baik oleh masyarakat Banten dan ketika itu hubungan antara Banten dengan Portugis terbina dengan baik. Belanda semakin berjaya di Banten dan menujuhkan perusahaan VOC pada tahun 1602. VOC ialah *Verenigde Oost-Indische Compagnie*, sebuah syarikat perusahaan perdagangan Belanda di Asia Timur. Di Indonesia perusahaan ini ditubuhkan sehingga tahun 1799 dengan maklumat monopoli perdagangan (Juliadi et al, 2005). Pejabat VOC terawal ditemui kali pertama di Banten pada tahun 1603 (Ricklefs, 2001).

VOC mempunyai ciri khas daripada sistem perdagangannya di Banten iaitu sistem perkongsian. Membina perkongsian dengan penguasa tempatan adalah usaha Belanda melalui VOC untuk melakukan monopoli perdagangan rempah-rempah dan menguasai pelabuhan Banten. Hingga pertengahan abad ke-16 perkongsian tersebut

berjaya kerana penguasa tempatan perlukan yang memerlukan VOC untuk melawan Portugis (Poesponegoro; Notosusanto, 2008). Belanda berjaya di Indonesia kerana kejayaan perusahaan dagang VOC.

### **3. Perancis**

VOC mengalami krisis wang tahun 1799 (Drakeley, 2005) dan di Benua Eropah berlaku Perang Koalisi Perancis di bawah pimpinan Napoleon Bonaparte yang mengalahkan Austria, Prusia, Inggeris, Sepanyol, Sardinia dan Belanda. Belanda diambil alih oleh Perancis dan bentuk pemerintahan kerajaan ditukar kepada republik dan VOC dibubarkan. Kali pertama Perancis datang ke Indonesia adalah dengan mengutus Herman Willem Daendels pada tahun 1808 yang menjadi Gabenor Jeneral di Hindia Belanda (panggilan Indonesia masa itu). Tugas Daendels adalah mempertahankan Pulau Jawa daripada penguasaan Inggeris, disebabkan oleh berbagai-bagi wilayah bekas daripada kekuasaan VOC seperti Sumatera, Ambon dan Pulau Banda yang telah dikuasai Inggeris (Taufik et al, 2010).

### **4. Inggeris**

Thomas Stamford Raffles iaitu seorang pemimpin pasukan Inggeris yang berlayar semula dari India ke Indonesia, telah berlabuh di Banten pada bulan Ogos tahun 1811. Pada tahun 1812, beliau telah berjaya merebut Pulau Jawa dari Belanda dan tahun 1813 berjaya menguasai Banten dengan memaksa Sultan Muhamad Syafiuddin turun daripada tahtanya dan menyerahkan kekuasaan Banten kepada pemerintah Inggeris. Selepas Napoleon Bonaparte dikalahkan dalam pertempuran Leipzig pada tahun 1814, pemerintah Inggeris telah menyerahkan kembali bekas jajahan Belanda kepada Kerajaan Belanda, namun Raffles tidak bersetuju. Selepas